

SUPAYA TIDAK TIMBUL PERASAAN KETINGGALAN

Agih2kan kekayaan negara – Mahathir

UM 16 NOV 1987

RAWANG 15 Nov. —
RPerdana Menteri, **Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad**, hari ini menyeru semua kaum di negara ini mengagih - agihkan kekayaan negara supaya tidak timbul perasaan ketinggalan dan syak - wasangka di kalangan mereka.

Katanya, memandangkan Malaysia kaya dengan hasil bumi dan tidak diancam oleh bencana - bencana yang dahsyat, "rakyatnya yang terdiri daripada pelbagai kaum tidak perlu berebut - rebut untuk mendapatkan tempat dan kekayaan."

Jika perasaan berebut - rebut dan syak - wasangka di antara kaum itu tidak

maju dan tidak mahu melihat Malaysia mencapai kemajuan. Tegas Perdana Menteri, negara - negara maju ini membawa segala bentuk pemikiran supaya rakyat di negara ini kurang bekerja dengan menyatakan kononnya mereka mesti menuntut hak yang lebih tanpa mengambilkira kemampuan kerajaan untuk membayar lebih.

"Dengan ajaran seperti ini terus berkembang di kalangan pekerja - pekerja kita, maka produktiviti mereka kurang berkesan dan tidak mampu mengeluarkan barangan yang boleh bersaing dengan negara - negara maju," katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, negara - negara maju ini menghantar 'orang - orang mereka' untuk mengajar pekerja - pekerja di Malaysia bagaimana mereka dapat menuntut hak yang lebih tanpa perlu bekerja lebih.

dibanteras, negara terpaksa menghadapi rusuhan kaum beberapa tahun sekali untuk selama - lamanya, kata beliau semasa merasmikan Perkhemahan Kepimpinan Pengakap dan Belia Negeri Selangor di Taman Rimba Templer dekat sini.

Katanya, memandangkan kerajaan berjaya mencegah rusuhan kaum akibat satu keadaan perkauman yang tegang baru - baru ini, semua rakyat mestilah memastikan keadaan seumpama itu tidak berulang.

Menurutnya, satu cara bagi menimbulkan serta mengekalkan perasaan muhibah di kalangan rakyat ialah melalui aktiviti sosial yang melibatkan semua kaum. Datuk Sri Dr. Mahathir juga mengingatkan rakyat supaya jangan terlalu mudah terpicik dengan cara - cara pemikiran negara - negara yang sudah

Tidak maju

Tujuan mereka, ujar beliau, bukanlah untuk menolok tetapi supaya Malaysia tidak maju dan tidak boleh bersaing dengan negara - negara yang maju.

Menurut Perdana Menteri, mereka mahu Malaysia terus menjadi negara membangun sedangkan mereka terus dikehali sebagai negara maju dan mendapat segala kemudahan dan kebahagiaan yang ada.

Beliau mahu latihan kepimpinan pengakap dan belia selama tujuh hari dan disertai oleh 700 peserta dapat membentuk peribadi insan yang boleh mendirikan sebuah negara maju untuk bersaing dengan negara - negara yang lain. Perdana Menteri kecewa kerana terdapat orang - orang dari negara lain datang ke Malaysia dan mendapat tempat yang lebih baik daripada penduduk - penduduk di

LIHAT MUKA 6

AGIH-AGIHKAN KEKAYAAN NEGARA — MAHATHIR

16 NOV 1987

sini.

Sebenarnya, kata beliau, mereka berjaya kerana sanggup menghadapi cabaran dan mengumpul wang yang cukup untuk memperkukuhkan ekonomi masing - masing.

Tegas Perdana Menteri, golongan ini tidak akan mencerooboh lautan Malaysia atau menguasai perniagaan - perniagaan

kecil di Kuala Lumpur jika penduduk di negara ini rajin bekerja dan tidak memberi peluang kepada mereka.

Menurut beliau, pembangunan negara adalah berpunca daripada pembangunan diri sendiri dan oleh itu adalah penting bagi setiap individu melatih diri mereka untuk menghadapi

cabaran masa depan.

"Untuk mencapai kejayaan, kita mesti mempunyai nilai - nilai hidup yang tinggi dan harus ada sikap yang sesuai dengan pembangunan diri dan negara," katanya. Datuk Sri Dr. Mahathir yakin, jika rakyat sanggup bekerja keras dan mengurangkan perselisihan

faham, Malaysia akan menjadi sebuah negara maju yang sama maju dengan negara-negara Eropah atau Jepun.

Perdana Menteri mahu latihan kepimpinan ini melibatkan belia di semua peringkat kaum supaya ia dapat dijadikan peluang untuk merapatkan hubungan antara kaum.